



DASAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MAJLIS PERBANDARAN KLANG

Adalah menjadi dasar Majlis Perbandaran Klang untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat untuk semua pekerjanya dan orang-orang lain yang mungkin terjejas oleh aktiviti-aktivitinya.

Pihak pengurusan dan pekerja akan sama-sama berusaha untuk mencapai matlamat dan objektif-objektif dasar melalui rundingan dan kerjasama.

Khususnya, dasar MPK ialah:

- Untuk menyediakan dan menyenggarakan suatu tempat dan sistem kerja yang selamat dan sihat;
- Untuk memastikan bahawa semua kakitangan adalah diberi maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan berkenaan cara untuk menjalankan tugas dengan selamat dan tanpa risiko kepada kesihatan;
- Untuk menyiasat semua kemalangan, penyakit, keracunan dan kejadian berbahaya dan mengambil langkah-langkah untuk memastikan kejadian-kejadian tersebut tidak berulang lagi;
- Untuk mematuhi kehendak-kehendak perundangan dan lain-lain keperluan mengenai keselamatan dan kesihatan seperti yang ditetapkan di dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, peraturan-peraturannya dan tata amalan yang diluluskan;
- Untuk menyediakan kemudahan-kemudahan kebajikan bagi semua pekerja; dan
- Untuk mengkaji semula dasar ini apabila perlu.

MPK yakin bahawa keselamatan dan kesihatan yang dipertingkatkan secara berterusan mestilah diintegrasikan ke dalam aktiviti-aktiviti harian kita, dan penggunaan cara kerja selamat dan sihat adalah faktor utama ke arah memastikan kejayaan misi kita.

.....
(DATO' HAJI MOHAMAD YASID BIN BIDIN D.S.I.S., A.M.S.)

Yang DiPertua
Majlis Perbandaran Klang